Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-4/4/2
Tarikh : 1 March 2024

Semua Pelajar
Program Pascasiswazah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023-2024**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024 akan **bermula pada 1 April 2024**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023-2024** | Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus **bermula 1 April 2024**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan. |
| **CAJ LEWAT MENDAFTAR** | Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan UKMShape. |
| **DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR** | Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga **selewat-lewatnya pada 28 April 2024.** |

| | |
|---|---|
| **JADUAL PERKULIAHAN** | Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web UKMShape **selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula**. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini. |
| **PEMBAYARAN YURAN** | Pelajar hendaklah menjelaskan **SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA**. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa **sebelum atau pada 18 Mac 2024.**<br><br>Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan UKMShape jika belum berbuat demikian.<br><br>Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di **https://ekewangan.ukm.my** |
| **BIODATA PELAJAR DI SMPE** | Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan. |

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2023-2024.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,

**PROF MADYA DR FARIZA BINTI KHALID**
Timbalan Pengarah I (Akademik dan Pengembangan Program)

s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Pentadbiran, UKMShape
- Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar, UKMShape
- Bahagian Kewangan, UKMShape